

D.R. 4/91

Naskah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 29 Akta Perindustrian Sekuriti 1983, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 29. Akta 280.

(a) dengan memotong perkataan "atau" yang terdapat selepas koma bertitik dalam perenggan (1)(e);

(b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (1)(f) dengan koma bertitik dan memasukkan selepas sahaja koma bertitik itu perkataan "atau"; dan

(c) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan 1 (f), perenggan baru (g) yang berikut:

"(g) seorang ejen depositori diberikuasa yang dilantik di bawah seksyen 13 Akta Perindustrian Sekuriti (Deposituri Pusat) 1991."

Akta

Pindaan
seksyen 40.

3. Seksyen 40 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong subseksyen (4);
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan "dan (4)" yang terdapat dalam subseksyen (5);
- (c) dengan memotong subseksyen (6); dan
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan "(1), (3) atau (4)" di mana jua terdapat dalam subseksyen (7) dengan perkataan-perkataan "(1) atau (3)".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membuat pindaan berbangkit dan pindaan lain kepada Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

2. Seksyen 29 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 merujuk kepada orang-orang yang dikehendaki mematuhi Bahagian V Akta yang berhubungan dengan penyenggaraan daftar sekuriti dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 29(1) supaya ejen depository diberikuasa yang dilantik di bawah seksyen 13 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 akan juga dikehendaki untuk menyenggarakan daftar sedemikian.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 40 Akta dengan memotong subseksyen (4) untuk membolehkan peniaga apabila berniaga sebagai prinsipal untuk mencajkan seseorang dengan bayaran broker, komisen atau apa-apa fee lain berkenaan dengan sesuatu transaksi. Pada masa ini, subseksyen (4) melarang bayaran broker, komisen atau apa-apa fee lain itu daripada dicajkan. Pindaan ini bertujuan menggalakkan broker supaya memainkan peranan dalam menstabilkan turun naik harga dalam jangka pendek. Juga dengan adanya pembuat-pembuat pasaran, ini akan menambahkan kecairan dan kebolehpasaran syer-syer.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1616.]